

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 01 Mac 2019
Edisi / Muka surat : www.utusan.com.my
Tajuk : MAAB sasar wasiat berniali RM10 bilion

MAAB sasar wasiat bernilai RM10 bilion

Anis Nabila Khidir
01 Mac 2019 9:58 PM

KUALA LUMPUR 1 Mac - MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) mensasarkan jumlah terkumpul pendaftaran wasiat sehingga berakhir tahun 2019 bernilai RM10 bilion.

Pengerusi MAAB, Datuk Mohamad Ali Hasan berkata, nilai tersebut mampu dicapai melalui sasaran 100,000 wasiat pusaka yang bakal diuruskan pihaknya.

“Sasaran ini dicapai melalui kerjasama perniagaan strategik berterusan, perancangan rapi serta pemasaran berterusan daripada rakan korporat,” katanya ketika berucap dalam Majlis Makan Malam dan Anugerah Rakan Korporat MAAB 2018 di sini malam ini.

Yang turut hadir Presiden Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Fattah Abdullah.

Majlis makan malam ini adalah bagi meraikan rakan korporat yang bekerjasama dengan MAAB.

Rakan-rakan korporat MAAB yang diraikan terdiri daripada 80 wakil syarikat, institusi kewangan dan badan kerajaan. - *UTUSAN ONLINE*